

TARIKH : 22/1/2023
SURAT KHABAR : METRO
MUKA SURAT : 16

Kaji keperluan perluas kelulusan pekerja asing sektor lain

Batu Gajah: Kerajaan akan mengkaji keperluan untuk memperluas kelulusan pengajian pekerja asing bagi sektor dan subsektor kritikal lain selepas tiga bulan pelaksanaan program Pelan Kelonggaran Pengajian Pekerja Asing.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, lima sektor dan subsektor kritikal yang terbabit ketika ini ialah perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan (melibatkan restoran sahaja).

"Buat masa ini Kementerian Sumber Manusia bersama Kementerian Dalam Negeri telah membuat keputusan untuk membawa masuk pekerja asing bagi li-

ma sektor kritikal ini yang betul-betul memerlukan tenaga kerja yang banyak. Jadi buat masa ini keputusannya adalah untuk membantu lima sektor ini dahulu.

"Selepas tiga bulan apabila kita dapat menyelesaikan masalah (kekurangan pekerja asing bagi sektor dan subsektor kritikal), kita akan mempertimbang-

SIVAKUMAR



kan kepada sektor peruncitan dan lain-lain," katanya.

Sivakumar yang juga Ahli Parlimen Batu Gajah berkata demikian selepas menghadiri Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2023 Kementerian Sumber Manusia di Pusat Konvensyen Pusing di sini, malam kelmarin.

Rabu lalu, Sivakumar memaklumkan 500,000 pekerja asing akan dibawa masuk ke negara ini secara berperingkat menerusi Pelan Kelonggaran Pengajian Pekerja Asing dan bilangan itu

akan ditambah jika terdapat keperluan, namun tidak melebihi 2.4 juta.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dilaporkan berkata, majikan akan dibenarkan untuk menggaji pekerja asing dari 15 negara sumber tanpa melalui prasyarat kelayakan pengajian serta kelayakan kuota.

Saifuddin dipetik sebagai berkata, beliau akan mengetuai siri lawatan bersama Kementerian Sumber Manusia dan agensi kawal selia ke 15 negara sumber terpilih bagi membincangkan perihwal keselamatan dan kebajikan pekerja asing di negara ini.

Metro Ahad: Lokal ms 16 22/1/23